

# MTD bangga terpilih jalankan projek MRT Lembah Klang

Oleh **NABILA YASMIN RAZIB**  
ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 22 Nov.** - MTD Construction Sdn. Bhd. berbangga dapat menjadi sebahagian daripada syarikat bumiputera yang terpilih bagi menjalankan projek Mass Rapid Transit Lembah Klang (KVMRT) jajaran Sungai Buloh-Kajang.

Naib Presiden Eksekutif Ketua Bahagian Pembinaan, AlloyMtd Group, **Ir. Md. Shukor Mohamed** menyifatkan penganugerahan kontrak bernilai RM500 juta kepada MTD Construction oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) merupakan peluang bagi MTD Construction membuktikan kebolehannya dalam industri ini.

"Kami bangga menjadi sebahagian daripada pihak yang dianugerahkan projek yang berprestij ini kerana projek ini adalah sangat mencabar terutamanya dari segi memenuhi standard dan kualiti yang ditetapkan oleh MRT Corp," katanya kepada Utusan di sini hari ini.

Ujarnya, MTD Construction perlu memastikan semua aspek keselamatan, kesihatan dan persekitaran mematuhi standard dan piawaian yang ditetapkan.

Syarikat itu bertanggungjawab membina landasan sepanjang 3.8 kilometer dari Bandar Tun Hussien Onn ke Taman Mesra.

"Tempoh kontrak bagi kerja pembinaan struktur bermula pada September 2012 sehingga Oktober 2015 manakala bagi kerja-kerja landasan sehingga 2016," jelasnya.

Ujarnya, antara skop kontrak terbabit termasuklah pengalihan semula utiliti, kerja-kerja menanam cerucuk dan kerja-kerja asas, pembinaan tiang serta pemasangan galas kekotak serta pembinaan stesen-stesen di Balakong dan Taman Koperasi.

Md. Shukor berkata, berdasarkan pencapaian semasa, beliau berharap syarikatnya dapat diperimbang bagi projek landasan MRT kedua.

"Berdasarkan Skor Penilaian Prestasi Kontraktor (Conpas) yang dibuat MRT Corp, kami berada di hadapan dan yakin projek ini akan



**MD. SHUKOR MOHAMED**



**AMIR ZAKI ABDUL MANAF**



**MD. ZIN MD. ALI**



**MOHAMMAD SHUKOR MUDA**

dapat disiapkan dengan jayanya," ujarnya.

Sementara itu, Pengasas dan Pengarah Geopusaka Sdn. Bhd., **Amir Zaki Abdul Manaf**, 30, berkata, syarikatnya mendapat kontrak kerja bagi membina dan menyelenggara kolam tadahan air bagi pakej lima dan enam dengan nilai kontrak RM440,000 di Cheras di sini.

Katanya, syarikatnya yang baru ditubuhkan pada 1997 itu, berjaya menyiapkan projek dalam tempoh tiga bulan dan kerja-kerja penyelenggaraan pula dijalankan sehingga 2016.

"Saya suka mencabar diri sendiri dan melibatkan diri dalam projek-projek yang memberi banyak pengalaman. Pengalaman yang diperoleh ini akan digunakan sebaik mungkin,

"Peluang bekerjasama dengan kontraktor-kontraktor utama dapat melatih kami sebagai kontraktor bumiputera untuk menjalankan projek bernilai tinggi," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Pengarah Urusan MNA Masters Sdn. Bhd., **Md. Zin Md. Ali**, 57,

berkata, pihaknya menjalankan projek membina jalan raya dan perkakasan jalan dengan nilai terkini RM1.072 juta dan saiz projek berkeluasan 8,000 meter persegi.

Katanya, syarikat beliau berjaya menyiapkan projek yang diamankan dalam tempoh lima hingga enam minggu.

Jelasnya, pihaknya mendapat tawaran kontrak menyertai projek KVMRT pada September 2012 dan memulakan kerja-kerja pada 21 Oktober 2012.

Pengasas Faurizat Nursery, **Mohammad Shukor Muda**, 50, berkata, syarikatnya yang ditubuhkan pada 1995 dengan skop kerja asal adalah berkaitan landskap dan bermula 2004 menambah skop kerja-kerja sivil, membina dua unit hentian bas bernilai RM144,000.

Menurutnya, kontrak yang diamanahkan berjaya disiapkan dalam tempoh tiga minggu walaupun diberi masa selama tiga bulan.

Jelasnya, Faurizat Nursery menerima kontrak pada Julai 2012 selepas berjaya dipilih sebagai kontraktor KVMRT untuk undian kali pertama.